

# CERAMAH SEMPENA PROGRAM JELAJAH KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER MINDEF DAN ATM

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2727-ceramah-sempena-program-jelajah-kempen-kesedaran-keselamatan-siber-mindef-dan-atm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2727-ceramah-sempena-program-jelajah-kempen-kesedaran-keselamatan-siber-mindef-dan-atm)

KUCHING, 24 Nov 17 - Program Jelajah Cyber Security For Everyone #SIBERSAFE oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan yang diketuai Lt Kol Shamsul Afkar bin Abd Rahman TUDM telah membuat kunjungan ke PU Kuching pada 24 Nov 17 sempena Kempen Kesedaran Keselamatan Siber, Kementerian Pertahanan dan ATM. PU Kuching merupakan antara destinasi yang dikunjungi oleh BSPP selain daripada beberapa lokasi lain di seluruh Malaysia. Ceramah tentang isu-isu terkini keselamatan siber telah diberikan oleh Kapt Mohd Shazmir bin Osman daripada BSPP. Seramai 100 org peserta telah terlibat dan turut hadir adalah YBhg Komander Pangkalan, YBhg Kol Yee Yit Hong TUDM. Beliau turut mengharapkan agar program sebegini dapat memberikan kesedaran kepada semua peringkat anggota berkenaan keselamatan siber di PU Kuching.



